

DRAF
TEKS UCAPAN PERASMIAN

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA MALAYSIA

DI PERASMIAN
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN
PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA
KALI KE-41
(SECARA VIDEO CONFERENCE)

PADA 29HB. DISEMBER, 2020, JAM 11.00 PAGI
DI BILIK PERSIDANGAN, IBU PEJABAT PKMM
KUALA LUMPUR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Sejahtera

YBhg Dato' Seri Haji Mohamed Fadzill Hassan
Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM)

Semua Ahli Jawatankuasa dan Ahli-Ahli PKMM Seluruh
Malaysia.

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Kontraktor

Melayu Malaysia (PKMM) kerana menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan PKMM Kali Ke-41 secara maya pada hari ini.

2. Alhamdulillah dan tahniah kerana setelah lebih 40 tahun, PKMM masih kekal berdiri teguh sehingga ke hari ini. Syabas dan tahniah kerana telah berjaya menunaikan satu tanggungjawab yang amat penting kepada kontraktor Melayu serta masa hadapan industri pembinaan negara.

Ahli-Ahli PKMM Yang Dihormati Sekalian,

3. Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia tidaklah asing bagi saya malah saya sentiasa mengikuti perkembangan persatuan ini sejak saya dilantik buat pertama kalinya sebagai Menteri Kerja Raya pada tahun 2013. Alhamdulillah, pagi ini saya berpeluang untuk menyampaikan amanat kepada ahli-ahli PKMM walaupun secara maya, berikutan penularan pandemik COVID-19.
4. Sesungguhnya penggiat industri pembinaan adalah tonggak kepada pembangunan fizikal negara. Industri pembinaan juga merupakan pemangkin pembangunan sektor ekonomi lain berdasarkan kepada nilai penggandaan (multiplier effect) sebanyak 2.03 kali. Ini bermakna, setiap RM1 yang

dibelanjakan di dalam industri pembinaan, akan mendapat hasil RM2 di dalam sektor ekonomi yang berkaitan. Selain itu, sebanyak 120 industri bergantung kepada industri pembinaan termasuk:

- Pembuatan bahan binaan
- Pembekal Logistik
- Pembekal bahan binaan
- Pembekal mesin dan jentera
- Pemaju
- Pengurusan fasiliti
- Perundingan professional
- Kedai hardware
- Perbankan
- dan Insurans

5. Sektor pembinaan juga amat penting kerana ia menggajikan seramai 15.5 peratus daripada 8.5 juta tenaga kerja di dalam negara.

6. Oleh yang demikian, kerajaan amat peka kepada impak serta kesan yang dihadapi oleh para kontraktor khususnya berkaitan penularan pandemik COVID-19 yang sedang dihadapi ketika ini.

7. Menerusi Belanjawan 2021, kerajaan telahpun memperuntukkan sejumlah RM15 billion bagi meningkatkan pelaksanaan projek-projek infrastruktur termasuk:

- Mass Rapid Transit (MRT3)
- Gemas-Johor Double Track Rail Project
- JB-Woodlands Rapid Transit System,
- Klang Valley Double Track (phase 1)
- Pan Borneo Highway
- Eastcoast Rail Link (ECRL)
- Transit Aliran Ringan 3 (LRT3)

8. Peruntukan ini dilihat sebagai pelaburan jangka masa panjang untuk menghidupkan kembali pembangunan fizikal dan ekonomi negara.

9. Selain daripada pembangunan projek infrastruktur mega tersebut, kerajaan juga telah memperuntukkan RM2.5 bilion untuk projek-projek bersaiz kecil dan sederhana bagi dimanfaatkan oleh kontraktor kelas G1 hingga G4. Peruntukan ini sememangnya peluang yang sangat ditunggu-tunggu untuk merancakkan kembali aktiviti pelaksanaan projek untuk kontraktor kecil dan sederhana.

10. Namun begitu, saya ingin menggesa semua kontraktor yang membida untuk melaksanakan projek-projek kerajaan supaya menganggap setiap projek tersebut sebagai satu peluang untuk mereka menunjukkan prestasi pelaksanaan yang terbaik dari segi kualiti, produktiviti dan profesionalisme dan dapat menyiapkan projek di dalam jangka waktu yang ditetapkan.
11. Kontraktor Melayu dan Bumiputera juga perlu sentiasa meningkatkan kapasiti dan kapabiliti supaya mereka berupaya membida dan melaksanakan projek-projek swasta dan tidak terlalu bergantung kepada projek-projek kerajaan. Saya percaya, kontraktor-kontraktor kecil yang mempunyai rekod kerja yang baik, tidak akan menghadapi masalah dalam mendapatkan projek-projek dari sektor swasta.
12. Jika dilihat kepada peruntukan kerajaan untuk projek-projek mega, biarpun kontraktor utama adalah dipilih dari kalangan kontraktor besar di dalam kategori G7, namun kontraktor-kontraktor kecil masih berpeluang untuk bersaing mendapatkan kerja-kerja subkontraktor di bawah projek-projek mega tersebut.
13. Saya amat berharap kontraktor Bumiputera terus berusaha, berinisiatif dan berdaya saing merebut semua peluang sedia ada. Kontraktor Bumiputera perlu lebih proaktif dan bersiap

sedia dalam keadaan norma baharu yang penuh cabaran dan perubahan.

14. Di dalam dunia perniagaan, kontraktor mestilah mengenalpasti peluang sepanjang masa. Sebenarnya peluang berniaga di Malaysia amat luas. Para kontraktor tidak harus memasuki hanya bidang yang sudah padat dipenuhi atau bidang-bidang tertentu sahaja, sebaliknya perlu lebih inovatif dan berani menerokai bidang-bidang baharu.
15. Negara kita kini memerlukan lebih ramai usahawan yang mempunyai pemikiran positif, strategik dan berilmu pengetahuan dalam bidang perniagaan bagi menghadapi persaingan global. Mereka ini harus berani berdepan risiko untuk menceburkan diri dalam bidang-bidang dan pasaran-pasaran baharu yang tidak hanya bergantung kepada sektor pembinaan semata-mata. Di sinilah kontraktor-kontraktor berperanan mempelbagaikan kegiatan mereka. Sebagai contoh; di dalam bidang teknologi pertanian, petroleum dan gas, teknologi maklumat dan multimedia.
16. Penularan pandemik COVID-19 merupakan satu cabaran yang tidak pernah dijangkakan kehadirannya oleh sesiapa. Dalam sekelip mata, dunia berubah. Namun, saya percaya disebalik kesukaran yang dihadapi sekarang, terdapat peluang-peluang yang boleh kita manfaatkan bagi memperkukuhkan

diri, syarikat serta industri pembinaan di masa akan datang. Semoga ekonomi negara kita akan bangkit semula dan berjaya menarik keyakinan daripada pelabur-pelabur seluruh dunia.

17. Dengan ucapan tersebut dan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Kali Yang Ke-41.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh